

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONI,  
PEMANGKU PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN  
PRESIDEN UMNO DALAM PERJUNPAAN HARI RAYA  
ANJURAN UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU,  
DI DEWAN JUBLI INTAN, JOHOR BAHRU,  
PADA HARI KHAMIS, 16ND OKTODER, 1975  
PADA JAM 3.00 PETANG

---

Saudara Pengerusi,

Ahli-Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian

Johor Bahru,

Para hadirin saudara, saudara yang

terhormat,

Saya memohon syukur ke Hadhrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpahliya saya dapat berada di sini pada hari ini, setelah beberapa lama saya tidak dapat melapangkan masa. Perjumpaan kita ini diadakan di saat dan di tengah-tengah semangat Hari Raya dan juga semasa keadaan negara kita menghadapi beberapa cabaran dan ujian.

2. Dalam suasana Hari Raya ini sesuaiilah dengan ajaran agama kalau kita menghadapinya dengan perasaan syukur, syukur kerana kita

dapat sekali lagi menyambut perayaan Hari Raya dengan semangat taqwa dan dengan keazaman yang kukuh bagi memelihara serta mengekalkan keamanan negara. Kita juga patut merasa syukur kerana Hari Raya pada tahun ini dapat kita sambut dengan cara seperti biasa sungguh pun negara mengalami keadaan kewangan yang meleset disebabkan oleh keadaan resesi dunia di sekeliling kita.

3. Mengambil hikmah hari baik bulan baik ini, saya inginlah mengambil kesempatan menyatakan beberapa masalah yang kita hadapi khasnya masyarakat di negara kita pada masa ini dan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

4. Masalah negara kita yang terpenting ialah soal politik dan implikasinya dalam dan luar negeri, soal ekonomi, soal keselamatan dan yang tidak kurang pentingnya ialah masalah sosial iaitu gejala yang melanda masyarakat kita seperti dadah, perbuatan rasuah di kalangan orang-orang politik, peniaga dan juga kakitangan kerajaan.

5. Dalam soal politik, seperti yang saudara-saudara maklum, kita telah menghadapi cabaran pilihanraye dan mencapai kemenangannya dengan sokongan serta semangat rakyat berdasarkan kepada kekuatan perpaduan dan kebolehan parti-parti gabungan khasnya UMNO dalam Barisan Nasional. Sudah setahun kita mendapat mandat dan ujian yang kita hadapi ialah mengisi keinginan rakyat serta memenuhi

janji-janji yang telah kita buat dalam pilihanraya yang lalu.

6. Dalam hubungan ini, kerajaan sesungguhnya tidak berganjak dari tujuan dan keazamannya untuk membantu rakyat berbilang bangsa meninggikan taraf kehidupan mereka dan membasmi kemiskinan. Dalam proses ini, kita menghadapi ujian seperti kemelesetan kewangan dan jatuhnya pendapatan hasil negara serta juga tanda-tanda bahawa peraduan di kalangan masyarakat orang-orang Melayu dan bukan Melayu telah terancam sedikit disebabkan oleh angkara pengaruh propaganda komunis yang menarik sebahagian kecil orang-orang kita.

7. Keadaan politik serta kegiatan kuasa-kuasa luar di rantau ini telah berkembang begitu rupa sehingga perpaduan dan perhitungan di kalangan pemimpin negara di rantau ini telah berubah disebabkan oleh semangat nasionalisme dan priority masing-masing di dalam menghadapi kepentingan mereka itu.

8. Kemenangan komunis di negara-negara Indo China, pengunduran kekuatan senjata Amerika di rantau itu, perebutan pengaruh di antara kuasa-kuasa komunis di Asia Tenggara adalah faktor-faktor yang banyak memberi kesan ke atas aliran politik negara di kawasan ini. Bagaimanapun, dengan kerjasama serantau dengan semangat ingin memperkukuh semangat ketahanan nasional, — national resilience, kita yakin bahawa gejala-

gejala dan ancaman yang mengancam perpaduan dan keeratan politik negara-negara di kawasan ini akan dapat di atasi dan dikuasai.

Saudara-saudara sekalian,

9. Menganalisa tentang keadaan politik dalam negeri, patutlah difahamkan bahawa pimpinan kerajaan bukanlah sebenarnya bererti pimpinan di pusat saja. Kerajaan terdiri dari Menteri membawalah kepada setiap kakitangan kerajaan dari yang tinggi kepada yang serendah-rendahnya. Jumlah Menteri membentuk polisi dan polisi itu dilaksanakan oleh pegawai sebagai jentera kerajaan. Pelaksanaan dasar inilah yang penting kerana ia menyentuh kehidupan rakyat. Sebarang penyelesaian dasar yang ditentukan dan dirumuskan oleh kerajaan

di pusat ketika dilaksanakan dari peringkat atas hingga ke peringkat bawah boleh menjejaskan tujuan dan maksud dasar kerajaan. Saya ingin menegaskan bahawa di dalam keadaan seperti sekarang ini, di dalam masa pergolakan yang hebat yang berlaku di sekitar negara kita yang boleh menjejaskan keadaan di dalam negara kita sendiri, maka masalah pimpinan kerajaan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan amatlah penting.

10. Akibat perubahan yang berlaku di Indo China, negara-negara yang berpegang kepada sistem demokrasi berparlimen di rantau ini seperti Malaysia, dan lain negara yang bukan komunis, terletak di dalam keadaan persaingan pengaruh dengan negara yang bersistem komunis. Cara hidup kita sekarang menghadapi tekanan (pressures) baik dari dalam mahu pun dari luar negeri. Samada kita dapat mengharungi

dan mengatasi gelombang tekanan itu bergantunglah kepada kemampuan dan kekuatan sistem hidup kita, kepada kebolehan menegakkan satu sistem hidup yang dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Saya menduga pressures itu kalau dibiarkan tanpa tindakan semua pihak akan membesar dan hebat pada masa depan. Amatlah mustahak sekali mulai sekarang setiap kita — orang-orang parti sentiasa mengkaji bukan sahaja dasar kita, tetapi cara melaksanakan dasar itu.

11. Garis besar untuk panduan bertindak adalah seperti berikut:-

Pertama, antara kerajaan dan rakyat mestilah sentiasa terjalin pertalian dan perhubungan yang erat dalam segala hal dan

dan dalam segala perkara. Mestilah terjalin antara pemimpin dan rakyat rasa saling percaya mempercayai, yakin menyakini antara satu sama lain. Dan proses mewujudkan pertalian ini tidaklah boleh satu hala sahaja tetapi ialah satu proses dua-hala. Kalau ada jurang antara yang memerintah dan yang diperintah, berertilah sistem hidup kita, tidak dapat tidak, sedikit demi sedikit menjadi lemah hingga akhirnya tidak dapat menghadapi tekanan atau pressures yang saya sebutkan tadi.

12. Bila saya sebut perhubungan antara rakyat dan kerajaan mesti rapat, tidak pula saya artikan bahawa tiap kehendak rakyat dapat atau mesti kita penuhi. Tuntutan geji yang berlebihan umpamanya, yang tidak menimbangkan keadaan ekonomi negara, pada zaman meleset ini mustahil dapat kita penuhi. Dengan lain

perkataan, dalam memenuhi kewajiban dan tanggungjawab memerintah dan memimpin rakyat, kerajaan terpaksa bersikap dan bertindak tegas di dalam beberapa hal tertentu, yang menyentuh kepentingan rakyat yang hak. Ketegasan menjalankan dasar tidak boleh disifatkan berkeras atau berhati batu ataupun bermaksud mengantayakan rakyat. Cara bertindak yang tegas dalam satu persoalan atau perkara penting yang menyentuh kepentingan rakyat atau kepentingan negara adalah menguntungkan rakyat sendiri. Kerajaan atau orang-orang politik yang hanya mahu bermuka-muka dan mengambil hati rakyat, tanpa memperhitungkan apa akibatnya, akan merosakkan <sup>diri</sup> sendiri negara dan rakyat.

13. Barisan Nasional adalah kerajaan yang mempunyai dasar, kerajaan yang mempunyai pendirian, yang bergerak dan bekerja menurut

program tertentu. Kita tetap mempunyai watak, personaliti dan maruah yang dihormati oleh rakyat. Kewajipan kita sebagai pemimpin ialah memberi pimpinan, memberi bimbingan. Tugas kita sebagai kerajaan ialah memerintah dan mentadbir. Pimpinan dan pentadbiran kita mestilah dirasakan oleh rakyat, mestilah jelas pada mata kasarnya mestilah memberi kesan pada kehidupannya hari-hari.

14. Dasar yang kita rumuskan adalah sejajar dengan keputusan parti, dan kesudiannya diputuskan dalam Kabinet. Dasar yang ditetapkan oleh tiap-tiap Menteri, adalah berkesan bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga hingga ke cerok kampung. Dalam keadaan bergolak seperti sekarang, di mana rakyat terdedah kepada bermacam-macam pengaruh, rakyat terpengaruh oleh beraneka tarikan, ketegasan pimpinan sahajalah

yang dapat menyatupadukan rakyat ke arah satu maksud, satu direction, kepada satu cita-cita yang bulat dan tetap.

15. Dasar yang kita tetapkan di pusat kalau hilang arusnya kerana tidak cekap (inefficiency) atau kelemahan (incompetence) dari orang yang melaksanakan dasar itu, pasti tidak dapat mengatasi pengaruh lain yang bergolak dalam masyarakat kita. Ia hanya mengakibatkan jurang antara pemimpin dan rakyat menjadi lebar. Menyebabkan rakyat berjauh hati terhadap pemimpin dan terhadap kerajaan. Sebagai pemimpin, kesan yang harus kita tanamkan pada hati sanubari rakyat telah kita layak memimpin, bahawa kita dapat mengatasi masalah mereka, bahawa kita tegas bertindak dalam segala masalah yang menyentuh dan yang melibatkan masalah negara dan rakyat dan yang penting sekali ialah apa yang kita kata, kita

kita mesti kotakan.

16. Bila saya katakan sebagai pemimpin kita mesti memberi pimpinan, tidaklah bererti bahawa kita bersikap bongkak atau sombong atau pun kita memenuhi kewajipan itu dengan perasaan angkuh dan besar diri. Kita perlu ingat bahawa hak kita memimpin dan membiimbing rakyat adalah lahir dari mandat rakyat, dari kepercayaan dan keyakinan yang diberikan oleh rakyat. Yang demikian, hak itu adalah berpunca dari lobok hati rakyat sendiri. Kalau kita tegas memerintah, kalau kita tidak ragu menjalankan dasar yang telah diputuskan nescaya jelaslah perjalanan yang kita ikuti dan yang kita mahu rakyat ikuti untuk masa depan mereka. Demikian juga ke arah mana negara menuju untuk mencapai matlamatnya membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat.

17. Dalam sejarah kita, belum pernah kita memerlukan ketegasan seperti ini di dalam keadaan sekarang, di mana suasana bergolak begitu rupa hingga menjejaskan perkembangan di dalam negeri kita sendiri. Banyak soal timbul. Rakyat bertanya: Apakah yang berlaku sekarang? Ke manakah kita menuju sekarang? Ke manakah negara bergerak sekarang? Apakah yang terletak di masa depan kita? Apakah yang akan berlaku dalam masa lima tahun, sepuluh tahun lagi? Dan macam-macam pertanyaan lagi. Semuanya ini mesti kita jawab dan hanya boleh terjawab dengan ketegasan kita menimpin dan memerintah. Dengan kegiatan alat jentera kerajaan dan parti.

.../15-  
.../16-

18. Kita tidak boleh menjawab setiap pertanyaan itu kerana tiap seorang mempunyai keraguan serta kesangsiannya sendiri. Tetapi kita boleh mengatasi kesangsian dan keraguan itu dengan ketegasan kita menjalankan dan mengendalikan pimpinan parti dari kerajaan kerana ketegasan bererti keyakinan dan kepercayaan kepada diri sendiri dan kepada masa depan kita. Pimpinan mestilah padat (compact) bulat dan utuh. Dalam keadaan negara berada di pintu perubahan yang besar seperti sekarang ini, amatlah penting rakyat diberikan pimpinan yang berkesan, lebih jelas. Tiap perubahan betapa kecil sekali pun mestilah jelas pada rakyat, mesti dapat dirasakan dalam kehidupan rakyat. Pengertian rakyat terhadap kemampuan kita menyesuaikan diri dengan keadaan akan menolong merapatkan rakyat dan kerajaan, kerana dengan pengertian itulah akan lahir keyakinan dan kepercayaan.

19.       Garis panduan yang saya nyatakan tadi adalah sebahagian dari kewajiban dan tanggungjawab tiap pemimpin baik yang berada di dalam kerajaan mahu pun di dalam parti. Rakyat tidak boleh dibiarkan hilang pedoman, hilang pegangan. Kita mestilah memberikan mereka petunjuk, memberikan mereka bimbingan supaya jalan yang terletak di hadapan mereka terang dan jelas, supaya mereka dapat meyakini diri mereka sendiri bahawa tekanan atau pressures yang mereka rasakan tiap hari dari berbagai-bagai jurusan itu dapat mereka tentang dan mereka atasi. Kalau tidak mereka akan meraba dalam gelap. Kita mesti terangi jalan itu dengan ketegasan kita, dengan kegiatan kita yang tidak berganjak.

.../17-

Saudara sekalian,

20. Menyentuh soal ekonomi, saya inginlah menjelaskan bahawa pada keseluruhannya ekonomi negara kita masih kukuh dan masih kuat.

Simpahan wang asing resmi (official foreign exchange Reserve) pada akhir bulan Ogos, berjumlah \$3.9 bil. boleh menampung nilai impot pada peringkat 6 bulan. Dari segi ini, bolehlah disifatkan keadaan ini baik jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

21. Sungguhpun demikian, daripada segi hasil negara, pendapatan kita adalah jauh merosot daripada jumlah yang kita jangkakan. Ini bukanlah disebabkan oleh kecuaiian dan kelemahan kita tetapi adalah akibat daripada kemerosotan ekonomi seluruh dunia. Sebahagian besar pendapatan negara kita bergantung kepada

ekspot luar negeri. Oleh kerana jumlah dan nilai ekspot kita seperti getah dan kayu dan lain-lain sangat berkurangan daripada tahun-tahun sebelumnya, telah menyebabkan kekurangan hasil. Sebaliknya, perbelanjaan kita bertambah dan menyebabkan tidak ada perimbangan di antara pendapatan dan perbelanjaan. Saudara-saudara patut maklum, ada dua jenis perbelanjaan negara satu daripadanya ialah perbelanjaan pengurusan iaitu gaji dan sebagainya dan yang kedua belanja pembangunan.

23. Satu jenis perbelanjaan lagi ialah perbelanjaan pembangunan dan bidang ini, seperti biasa, kita tempung daripada pinjaman dari dalam dan luar negeri, oleh sebab sebahagian besar daripada projek pembangunan itu merupakan projek yang mendatangkan hasil.

22. Dasar Negara kita ialah supaya belanja pengurusan, mestilah ditampung dari hasil negara. Samalah seperti halnya dengan perbelanjaan rumah tangga kita patutlah ditampung dari pendapatan kita dan bukannya daripada hutang. Disebabkan oleh kemerosotan hasil dan pendapatan negara inilah kita tidak dapat menampung sepenuhnya perbelanjaan pengurusan yang saya sebutkan tadi. Dengan maksud inilah, kerajaan telah menjalankan langkah berjimat terutama mengenai perbelanjaan pengurusan.

23. Satu jenis perbelanjaan lagi ialah perbelanjaan pembangunan dan bidang ini, seperti biasa, kita tampung daripada pinjaman dari dalam dan luar negeri, oleh sebab sebahagian besar daripada projek pembangunan itu merupakan projek yang mendatangkan hasil.

24. Tanggungjawab kerajaan pada dalam mentadbirkan perbelanjaan amatlah besar kerana di bawah Dasar Ekonomi Baru kerajaan terpaksa mengimbangkan pendapatan di kawasan bandar dan luarbandar. Sekiranya kerajaan menambahkan perbelanjaan pengurusan di kalangan kakitangan kerajaan, tidak syak lagi akan meluaskan jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luarbandar. Demikian juga kita mahu melihat bahawa kakitangan kerajaan memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada rakyat kerana pengharapan rakyat, kebahagiaan mereka adalah tergantung kepada perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan kerajaan iaitu sebagai alat jentera kerajaan dan pemimpin politik.

Saudara sekalian,

25. Perkara yang sangat penting, dan yang paling menghadapi negara kita ialah soal keselamatan. Masalah keselamatan dan ancaman komunis dan anasir-anasir subersif adalah benar dan nyata. Kita telah meramalkan kemungkinan berlakunya perkara ini. Ada gulungan yang mengaitkan perkembangan sekarang dengan dasar luar negeri kita, terutama untuk berbaik-baik dengan negara-negara komunis. Dasar kita mengadakan hubungan diplomatik dengan bloc sosialis ialah kita mengharapkan dengan sikap positif ini, akan dapat memberikan kesan dan membendong anasir yang selama ini menentang kerajaan yang sah. Anasir-anasir ini cuba menukarkan sistem penghidupan dan pemerintahan negara kita ini kepada satu corak yang asing, yang saya percaya, tidak dapat

diterima oleh rakyat. Pada hemat saya, kemungkinan anasir-anasir komunis berkuasa di negara kita ini tidak ujud. Pendapat ini saya asas kepada beberapa faktor:

**Pertama:** semangat kebangsaan kita sudah mula bertapak dan nasionalism yang tulen mengatasi communism - yang pada hakikatnya tidak berasaskan negara.

**Kedua:** sebilangan besar daripada rakyat Malaysia ini ialah orang yang beragama Islam dan menolak faham komunis dan cara pemerintahan totalitarian sebagai satu sistem hidup.

**Ketiga:** Kita juga mempunyai rakyat yang bukan Islam tetapi mempercayai ujudnya ketuhanan dan dengan itu menolak faham komunis yang tidak mengakui ujudnya Tuhan.

**Keempat:** Kita mempunyai golongan masyarakat kaya dan pertengahan yang keadaan hidup mereka lumayan dan sejahtera. Dengan itu mereka pasti tidak dapat menikmati kemudahan seperti itu di bawah sistem komunis.

**Kelima:** Kita mempunyai sebahagian besar masyarakat yang menerima "Rule of Law" iaitu Pemerintahan Secara Undang-Undang. Dan mengakui akan hak dan kebebasan perseorangan.

26. Dalam pada itu, kita mengakui ada golongan rakyat yang bermuka dua tetapi sebenarnya tidak ingin kepada paham komunis. Mereka ini adalah golongan yang tidak perpendirian, merasa hampa, rasa tidak puas hati dengan keadaan yang berlaku. Kita tidak menafikan adanya beberapa problem. Kita menerima hakikat adanya masalah tertentu, kita tidak menolak sama sekali adanya masalah yang berasaskan perkauman.

27. Kita menerima masalah yang sah dan benar. Tetapi, sebagai pemimpin parti dan negara, kita tidak dapat sekali-kali menerima tindakan anasir-anasir subversif yang boleh menghancurkan negara. Kita tidak mahu bahkan kita tidak rela bahawa perbuatan khianat ini dijadikan

sebagai tebusan untuk mendapatkan sebarang kuasa dan nikmat politik. Kita akan tentang gulungan ini dengan kekuatan yang ada pada kita.

28. Di masa yang akhir ini, kita menghadapi bahawa gulungan yang menentang kerajaan telah di pengaruhi atau terikut-ikut dengan perbuatan yang terang-terang mengancam keselamatan negara. Perbuatan merebikkan khabar angin, tindakan memfitnah pemimpin, tindakan menghasut rakyat memburuk-burukkan imej pasukan keselamatan adalah sebahagian dari kegiatan yang dijalankan oleh orang yang kononnya mengaku rakyat, tetapi pada hakikatnya telah menjadi atau dijadikan alat oleh gulungan komunis.

29. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa kerajaan telah dan akan mengambil setiap langkah, menjalankan kegiatan bagi menghadapi ancaman ini. Dengan kerjasama rakyat, saya yakin, kita akan berjaya dan dapat menguasai keadaan ini. Saya merayu seluruh rakyat supaya sedar bahawa tidak ada pilihan lagi bagi mereka selain dari menyokong kerajaan yang dipilih dan pemimpin yang ada ini. Sebarang kerajaan yang bakal muncul, yang bukan dari gulungan parti yang memerintah sekarang, sudah pasti tidak akan membawa rakyat ke arah kenakmuran seperti yang mereka harap dan nikmati sekarang. Sebaliknya ia akan membawa mereka ke arah keruntuhan. Bayangan indah yang diberikan tidak lebih dari impian dan hakikat yang diterima kelak tidaklah seindah yang diharapkan.

Saudara sekalian,

30. Selain dari soal politik, ekonomi dan keselamatan, satu daripada gejala lagi ialah perbuatan rasuah. Ini telah mula menunjukkan tanda dan belang yang sedang merebak di kalangan rakyat di negara ini. Rasuah hidup di bawah keadaan yang kurang stabil. Ia subur di tengah masyarakat yang hidup berpura-pura, yang hidup di luar daripada kemampuan dan pendapatan. Rasuah adalah kesan dari godaan nafsu yang tidak dapat dikuasai.

31. Mengenai hal rasuah ini, kerajaan adalah tegas dalam keputusannya untuk membasmi dan menghancurkan perbuatan durjana ini. Tetapi kegiatan Biro Siasatan Negara sahaja tidak memadai, kerana kerjasama daripada seluruh rakyat sangat perlu. Rasuah tidak berlaku sekiranya tidak ada pemberi dan penerima. Tidak akan berlaku sekiranya tidak wujud perasaan tamak dan haloba. Rasuah tidak akan berlaku kalau masyarakat kita berpandu kepada ajaran-ajaran agama. Rasuah tidak subur jika tidak disuburkan oleh kalangan yang ingin mendepet faedah diri sendiri. Kerajaan adalah memandang berat akan perbuatan rasuah khasnya di kalangan orang politik dan kakitangan kerajaan.

32. Keazaman kerajaan adalah tetap dan kita mahu membasmi rasuah ini dengan kerjasama sepenuhnya kepada rakyat. Tetapi sekiranya kerjasama ini tidak diberikan secara maksima, saya merasa dukacita tujuan dan hasrat kita ini tidak akan dapat dicapai seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian,

33. Saya telah cuba menggariskan masalah yang menghadapi negara sekarang — soal politik, ekonomi, keselamatan dan juga soal rasuah. Masalah ini bukan sahaja menghadapi kerajaan tetapi juga setiap rakyat dan orang yang mendokong kerajaan. Mengetasi masalah ini bukanlah usaha kerajaan semata-mata tetapi menjadi tugas dan tanggungjawab kita masing-masing.

34. Demikian juga, saya telah memberikan garis mengenai tugas dan tanggungjawab kita sebagai kerajaan dan pemimpin politik — satu perkara yang terpaksa saya ulang dari masa ke semasa untuk mengingatkan, menyedar dan menambahkan semangat kita pada memelihara keutuhan parti dan negara.

35. Ucapan yang ringkas ini, tentulah tidak dapat meliputi setiap aspek persoalan kita. Namun demikian, sedikit sebanyak diharap akan memberi kesan dan faedah. Demikian juga, ia dapat menasabahkan perstapan dan perseidaan kita bagi menghadapi masa depan.

36. Mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyampaikan terimakasih dan penghargaan saya dan juga Datin kepada semua pihak. Di samping itu, saya ingin berpesan khasnya kepada hadirin dan semua kepada setiap rakyat di negara ini:

Pertama: Nasib masa depan kita, mestilah ditentukan sekarang. Ancaman anasir-anasir subversif mestilah dihapuskan dengan segala kekuatan dan kerjasama rakyat kerana kuman dan hamanya, jika tidak dihapuskan akan merebak dan menelan jenerasi akan datang.

Kedua: Kepercayaan kita kepada pemimpin dan pemerintah mestilah dipulihkan kalau tidak kita hanya diibaratkan membakar "kelambu kerana marahkan pijat".

Ketiga: Setiap rakyat mestilah berfikir dan menganalisa. Jangan jadi alat dan diperelatkan. Sebarang tindakan yang menguntungkan anasir subversif mestilah diberhentikan.

Keempat: Setiap rakyat mestilah berusaha memelihara keamanan dan pemerintahan undang-undang. Undang-Undang adalah untuk melindungi rakyat terbanyak yang percaya pada undang-undang. Undang-Undang, pada hakikatnya, adalah untuk memelihara kesejahteraan golongan terbanyak dan bukan untuk melindungi golongan kecil yang mengkhianati negara.

Kelima: Sokongan penuh mestilah diberikan kepada pasukan keselamatan dalam menjalankan tugas mereka.

37. Dengan pesanan ini, saya sudahi  
dengan UCAPAN SELAMAT HARI RAYA - MINAL FAIZIN  
AL MAQBULIN.

TERIMA KASIH



.....	.....
.....	.....



No Siri ..... 159  
No Penerimaan ..... 21/79